

Dikemaskini 6 Julai 2021

Program Bantuan Pembayaran Baharu AFFIN (NRA 2.0) untuk Perusahaan Mikro & PKS

Soalan-soalan Lazim (FAQ)

No	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Program Bantuan Pembayaran Baharu AFFIN (NRA 2.0)?	Program Bantuan Pembayaran Baharu AFFIN (NRA 2.0) adalah program bantuan kewangan yang ditawarkan kepada Perusahaan Mikro dan PKS yang terjejas akibat pandemik COVID-19.
2.	Adakah Program NRA 2.0 ini ditawarkan secara automatik kepada Perusahaan Mikro dan PKS?	Tidak, ini bukanlah moratorium menyeluruh automatik. Pelanggan perlu menghubungi AFFIN BANK/AFFIN ISLAMIC untuk meminta menyertai Program NRA 2.0.
3.	Siapakah yang layak menyertai Program NRA 2.0 ini?	<p>Perniagaan yang layak diklasifikasikan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Perusahaan Mikro; Perusahaan PKS dengan keadaan kewangan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. <p><i>Nota:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> Tidak layak untuk individu yang berada dibawah prosiding kebangkrapan, atau perniagaan yang dalam proses penggulungan. Perusahaan Mikro dan PKS mengikut takrifan SME Corp. Malaysia. Sila layari https://www.smecorp.gov.my untuk keterangan lanjut.
4.	Apakah pilihan yang terdapat di bawah Program NRA 2.0?	<p>Pilihan bantuan seperti berikut di bawah Program NRA 2.0 akan ditawarkan kepada pelanggan:</p> <p>Pilihan 1:</p> <ol style="list-style-type: none"> 6-bulan lanjutan penangguhan pembayaran balik/ pembayaran. <p>Pilihan 2:</p> <ol style="list-style-type: none"> 50% pengurangan pembayaran balik/ pembayaran selama enam (6) bulan. <p><i>Nota:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> Pihak Bank tidak akan mengkompau faedah/ keuntungan atau mengenakan caj penalti ke atas kadar faedah/caj kompensasi. Tempoh pinjaman/ pembiayaan anda mungkin akan dipanjangkan disebabkan oleh faedah/ keuntungan terakru semasa program NRA 2.0.

No	Soalan	Jawapan
5.	Berapakah tempoh berlangsung untuk Program NRA 2.0?	<p>Pilihan untuk Program NRA 2.0 akan tersedia bermula dari 7 Julai 2021 sehingga tempoh yang akan diberitahu kelak.</p> <p>Bantuan Program NRA 2.0 akan diberikan untuk pembayaran balik/pembayaran mulai bulan Julai 2021 dan seterusnya.</p>
6.	Apakah kemudahan yang layak di bawah Program NRA 2.0?	<p>Kemudahan pinjaman konvensional dan pembiayaan Islamik yang layak adalah seperti berikut:</p> <p>a) Pinjaman Berjangka/ Pembiayaan Berjangka-i;</p> <p>b) Overdraf/ Kemudahan Tunai-i*;</p> <p>c) Pembiayaan Perdagangan** (Penerimaan jurubank/Bil Penerimaan-i, Resit Amanah/Resit Amanah-i, Pinjaman Perkhidmatan Perdagangan/Pembiayaan Perkhidmatan Perdagangan-i, Jaminan Bank/Jaminan Bank-i).</p> <p><i>* untuk kemudahan Overdraf/ Kemudahan Tunai-i, Program NRA 2.0 tertakluk kepada lebih baki dari had yang diluluskan di mana amaun lebih kontrak perlu dijelaskan secara pembayaran balik/pembayaran.</i></p> <p><i>** untuk Pembiayaan Perdagangan yang tempoh pembiayaannya tidak boleh dipanjangkan, alternatif akan disediakan untuk menukar kepada pembiayaan lain.</i></p> <p>Dokumentasi undang-undang perlu disempurnakan selaras dengan undang-undang relevan sebelum Program NRA 2.0 dikuatkuasakan.</p>
7.	Adakah pinjaman/pembiayaan yang baharu diluluskan/ dikeluarkan boleh menyertai Program NRA 2.0?	<p>Program NRA 2.0 hanya layak untuk kemudahan yang telah diluluskan pada atau sebelum 30 Jun 2021 dan masih berjalan (tiada tunggakan melebihi 90 hari) pada tarikh penyertaan.</p>
8.	Sekiranya saya telah menerima bantuan dari Program NRA sebelum 7 Julai 2021, adakah saya masih layak untuk Program NRA 2.0?	<p>Ya, pihak Bank akan memberikan moratorium tambahan selama tiga (3) bulan berdasarkan permintaan anda, menjadikan jumlah keseluruhan moratorium anda selama enam (6) bulan.</p>

No	Soalan	Jawapan
9.	Bilakah penyertaan saya akan berkuatkuasa?	<p>Sekiranya permintaan anda dibuat pada bulan Julai 2021, bantuan akan berkuatkuasa untuk pembayaran balik/pembayaran pada Julai 2021 anda memilih untuk bermula segera. Namun, sekiranya pembayaran balik/pembayaran Julai 2021 anda telah ditolak, jumlah tersebut akan dikembalikan kepada anda dalam tempoh pemprosesan yang sewajarnya.</p> <p>Untuk penyertaan yang dibuat selepas bulan Julai 2021, Program NRA 2.0 akan bermula pada pembayaran balik/pembayaran berikutnya dari tarikh penyertaan.</p>
10.	Sekiranya saya telah menerima bantuan kewangan yang lain, adakah saya masih layak untuk Program NRA 2.0?	Ya, anda masih boleh menghantar penyertaan anda. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah tertakluk pada budi bicara pihak Bank.
11.	Adakah saya perlu menyediakan sebarang dokumen untuk menyokong penyertaan saya?	<p>Untuk perusahaan Mikro, tiada sebarang dokumen sokongan diperlukan.</p> <p>Namun, untuk perusahaan PKS, anda perlu menyediakan dokumen pengisytiharan-diri yang mengesahkan perniagaan anda terjejas akibat pandemik COVID-19.</p>
12.	Bolehkan pihak Bank menarik balik bantuan Program NRA 2.0 yang telah diberikan kepada saya?	Ya, pihak Bank berhak untuk menarik balik kelulusan sekiranya maklumat/pengisytiharan palsu didapati telah memperdaya pihak Bank berkenaan kelayakan anda.
13.	Bilakah saya boleh mengetahui keputusan penyertaan saya?	Penyertaan anda memerlukan tempoh sehingga empat belas (14) hari untuk diproses. Pihak Bank akan berusaha untuk memberikan resit pengesahan dalam tempoh 24 jam apabila penyertaan diterima.
14.	Adakah saya masih perlu membuat pembayaran balik/pembayaran bulanan bagi pinjaman/pembiayaan semasa tempoh penyertaan saya diproses?	Ya, anda perlu terus membuat pembayaran balik/pembayaran bulanan sementara menunggu keputusan penyertaan anda.

No	Soalan	Jawapan																								
15.	Adakah terdapat caj tambahan dikenakan sekiranya memilih Program NRA 2.0?	<p>a) Tiada yuran pemprosesan atau caj tambahan untuk Program NRA 2.0.</p> <p>b) Jumlah kos keseluruhan pinjaman/pembiayaan anda akan meningkat disebabkan oleh lanjutan tempoh dari Program NRA 2.0.</p> <p>Di bawah ialah contoh bagaimana Program NRA 2.0 akan memberi kesan ke atas jadual pembayaran balik/ pembayaran jumlah pinjaman/ pembiayaan (untuk tujuan rujukan sahaja).</p> <p>Baki tunggakan pada 30 Jun 2021 : RM1,000,000 Kadar faedah/ keuntungan : 5.00% setahun Tempoh pinjaman/ pembiayaan : 240 bulan Baki tempoh pinjaman/ pembiayaan : 180 bulan</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Pembayaran balik/ Pembayaran bulan pertama sehingga bulan ke-6</th> <th>Pembayaran balik/ Pembayaran bulan ke-7 dan seterusnya</th> <th>Baki faedah/ keuntungan perlu dibayar</th> <th>Baki tempoh pinjaman/ pembiayaan (bulan)</th> <th>Anggaran kenaikan kos pinjaman/ pembiayaan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Meneruskan jadual pembayaran balik/pembayaran semasa</td> <td>RM8,000</td> <td>RM8,000</td> <td>RM415,499</td> <td>180</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>Pilihan 1: Penangguhan selama 6 bulan</td> <td>RM0</td> <td>RM8,000</td> <td>RM443,508</td> <td>186</td> <td>RM53,009</td> </tr> <tr> <td>Pilihan 2: 50% pengurangan pembayaran balik/pembayaran selama 6 bulan</td> <td>RM4,000</td> <td>RM8,000</td> <td>RM441,615</td> <td>183</td> <td>RM26,116</td> </tr> </tbody> </table> <p>Andaian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Tiada perubahan pada kadar faedah/keuntungan sepanjang tempoh pinjaman/pembiayaan. Faedah/keuntungan akan dipermodalkan/dilunaskan selepas Program NRA 2.0. Tiada perubahan pada pembayaran balik/pembayaran selepas Program NRA 2.0. <p>Sekiranya anda memerlukan penjelasan mengenai kos yang dikenakan, sila hubungi Pengurus Perhubungan kami atau e-mel ke smecare@affinbank.com.my.</p>		Pembayaran balik/ Pembayaran bulan pertama sehingga bulan ke-6	Pembayaran balik/ Pembayaran bulan ke-7 dan seterusnya	Baki faedah/ keuntungan perlu dibayar	Baki tempoh pinjaman/ pembiayaan (bulan)	Anggaran kenaikan kos pinjaman/ pembiayaan	Meneruskan jadual pembayaran balik/pembayaran semasa	RM8,000	RM8,000	RM415,499	180	-	Pilihan 1: Penangguhan selama 6 bulan	RM0	RM8,000	RM443,508	186	RM53,009	Pilihan 2: 50% pengurangan pembayaran balik/pembayaran selama 6 bulan	RM4,000	RM8,000	RM441,615	183	RM26,116
	Pembayaran balik/ Pembayaran bulan pertama sehingga bulan ke-6	Pembayaran balik/ Pembayaran bulan ke-7 dan seterusnya	Baki faedah/ keuntungan perlu dibayar	Baki tempoh pinjaman/ pembiayaan (bulan)	Anggaran kenaikan kos pinjaman/ pembiayaan																					
Meneruskan jadual pembayaran balik/pembayaran semasa	RM8,000	RM8,000	RM415,499	180	-																					
Pilihan 1: Penangguhan selama 6 bulan	RM0	RM8,000	RM443,508	186	RM53,009																					
Pilihan 2: 50% pengurangan pembayaran balik/pembayaran selama 6 bulan	RM4,000	RM8,000	RM441,615	183	RM26,116																					
16.	Adakah pihak Bank akan memberikan saya maklumat lanjut sebelum saya membuat keputusan akhir untuk mengesahkan pilihan saya?	Anda boleh hubungi Pengurus Perhubungan kami melalui telefon atau e-mel kami di smecare@affinbank.com.my untuk mendapatkan maklumat lanjut sebelum membuat keputusan akhir untuk menerima Program NRA 2.0.																								
17.	Adakah pihak Bank akan memaklumkan saya secara bertulis sekiranya pemilihan disahkan?	Ya, pihak Bank akan memberikan perincian mengenai pilihan anda secara bertulis setelah pemilihan disahkan. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan kami atau hantarkan e-mel kami di smecare@affinbank.com.my sekiranya anda memerlukan semakan lanjut.																								

No	Soalan	Jawapan
18.	Adakah pihak Bank akan mengenakan sebarang syarat terhadap permintaan saya?	Tiada syarat yang akan dikenakan oleh pihak Bank secara umumnya. Sekiranya terdapat sebarang syarat yang akan dikenakan, anda akan diberitahu dengan sewajarnya.
19.	Bolehkah saya menyertai Program NRA 2.0 sekiranya moratorium telah tamat?	Tidak, anda hanya boleh menyertai Program NRA 2.0 sekali sahaja. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan kami mengenai program Bantuan Kewangan dan Pelepasan Bayaran Ansuran (FAIR).
20.	Keadaan kewangan saya masih tidak kukuh setelah moratorium berakhir. Apakah alternatif lain yang saya ada?	Sekiranya anda masih menghadapi kesukaran dalam pembayaran balik/pembayaran pinjaman/pembiayaan menjelang akhir moratorium, anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan kami mengenai Program FAIR.
21.	Sekiranya saya tidak layak menyertai Program NRA 2.0 tetapi saya masih memerlukan bantuan kewangan, adakah alternatif lain yang tersedia?	Ya, anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan kami untuk berbincang mengenai Program FAIR atau layari laman sesawang kami untuk maklumat lanjut.
22.	Adakah dengan menyertai Program NRA 2.0 akan menjejaskan rekod CCRIS saya?	Tidak, ia tidak akan memberi kesan kepada rekod CCRIS anda.
23.	Adakah penyertaan saya akan mempengaruhi pengaturan pembayaran balik/pembayaran semasa atau akan datang?	Ya, penyertaan anda akan mempengaruhi pengaturan, jadual dan syarat pembayaran balik/pembayaran semasa atau akan datang.
24.	Bolehkah saya menarik diri sekiranya kedudukan kewangan saya bertambah baik?	Ya, anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan kami pada bila-bila masa untuk berbincang semula berkenaan pilihan pengaturan pembayaran balik/pembayaran anda.

No	Soalan	Jawapan
25.	Bagaimanakah caranya untuk saya menyertai Program NRA 2.0?	<p>Anda boleh memuat turun Borang Program NRA 2.0 (untuk Perusahaan Mikro dan PKS) melalui pautan di bawah: https://www.affinonline.com/AFFINONLINE/media/assets/announcement/ApplicationLetterNRAFMCO.pdf</p> <p>Atau imbas kod QR</p>  <p>Sila hantarkan borang yang lengkap kepada Pengurus Perhubungan kami atau e-mel di smecare@affinbank.com.my.</p> <p>Anda juga boleh melayari laman sesawang Bank untuk maklumat lanjut:</p> <p>a) www.affinislamic.com.my; atau b) www.affinbank.com.my.</p> <p>Untuk sebarang pertanyaan, anda boleh hubungi kami di:</p> <p>a) Hubungi Pusat Panggilan di talian 03-8230 2222; atau b) E-mel kami di smecare@affinbank.com.my; atau c) Hubungi Pengurus Perhubungan kami.</p>
26.	Bagaimana sekiranya penyertaan saya ditolak?	<p>a) Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan kami untuk penyelesaian alternatif; atau</p> <p>b) Anda boleh merujuk kepada Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) untuk bantuan selanjutnya berkenaan pembayaran balik/pembayaran pinjaman/ pembiayaan anda serta menerima maklumat berkaitan penyelesaian alternatif. Anda boleh mengunjungi laman sesawang AKPK: www.akpk.org.my atau hubungi 03-2616 7766.</p>

Penting: Soalan-soalan Lazim ini tertakluk pada semakan jika terdapat sebarang kemaskini ke atas peraturan.